

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN ke-6
(Karya Hujjatul Islam Imam al-Ghazali)
Kuliah Maghrib kali ke-90 di Surau An-Nur, Sg Baru, Trong, Perak

KEUTAMAAN MENGAJAR

“Dan siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah dan dia berbuat amalan yang soleh?” (As-Sajadah : 33)

“Serukanlah ke jalan Tuhanmu dengan berhikmah dan pengajaran yang baik.” (An-Nahl : 125)

“Bahawasanya dengan sebab kamu, diberi petunjuk oleh Allah akan seseorang, lebih baik bagi kamu daripada dunia dan isinya.” (Ahmad)

“Sesiapa yang mengajak ke arah kebaikan, dia akan mendapat balasan pahala sebagaimana pahala orang yang mengikutinya, tidak kurang walaupun sedikit. Sesiapa yang mengajak ke arah kesesatan, dia akan mendapat dosa sebagaimana dosa orang yang melakukannya, tidak berkurang walaupun sedikit.” (Muslim) ... *hadith ini tiada dalam bab ini.*

Kata Saiyidina Umar : “Barangsiapa menceritakan suatu hadith, lalu diamalkan orang, maka baginya pahala seperti pahala yang diperoleh oleh orang yang mengamalkannya.”

“Menunjuk kepada kebajikan, adalah seperti mengerjakannya.” (Turmizi, hadith gharib)

Apabila mati seorang anak Adam, putuslah amalnya kecuali tiga perkara..... (salah satunya) ilmu yang dimanfaatkan.” (Muslim)

“Bahawasanya Allah SWT, malaikat-malaikat-Nya, isi langit dan bumi-Nya, sampai kepada semut di dalam lubang dan ikan di dalam laut, semuanya mendoakan kebajikan buat orang yang mengajar manusia.” (Turmizi)

Kata Ibnu Abbas : “Orang yang mengajarkan kebajikan kepada orang banyak, nescaya diminta ampun dosanya oleh segala sesuatu, hatta ikan di dalam laut.”

“Tidak boleh iri hati selain pada dua: orang yang dianugerahi ilmu oleh Allah Taala, maka ditegakkannya keadilan dengan ilmunya dan diajarkannya manusia. Dan kedua pada orang yang diberikan harta oleh Allah Taala, maka dipergunakannya pada jalan kebajikan.” (Bukhari, Muslim)

Kata Nabi Isa a.s: “Barangsiapa berilmu dan beramal serta mengajar, maka orang itu disebut “orang besar” di segala petala langit.”

“Barangsiapa mengetahui sesuatu ilmu lalu menyembunyikannya, maka ia dikenakan kekang oleh Allah dengan kekang api neraka pada hari kiamat.” (Abu Dawud & Turmizhi)

Berkata ‘Atha’: “Aku masuk ke tempat Sa’id bin Al-Musayyab dan dia sedang menangis. Lalu aku berkata : “Apakah yang menyebabkan engkau menangis?”

Ia menjawab : “Kerana tidak ada orang yang menanyakan sesuatu kepada aku.”

Hadith2 yang Dipercayai Berstatus Dhaif

“Sebaik-baik pemberian dan hadiah ialah kata-kata berhikmah. Engkau dengar lalu engkau simpan baik-baik. Kemudian engkau bawakan kepada saudaramu yang Muslim, engkau ajari dia. Perbuatan sebegitu menyamai ibadah setahun.” (Thabrani, isnad dhaif)

TENTANG DALIL-DALIL AKAL

Tujuan kita belajar bab ini ialah untuk mengetahui kelebihan-kelebihan/ fadhilat ilmu dan nilai ilmu. Jika kita tidak tahu hal itu, kita tidak akan tahu bahawa kelebihan2 itu ialah SIFAT BAGI ILMU.

Contoh : Jika kita tidak tahu tentang falsafah, mana mungkin kita dapat menyelidiki, benarkankah seseorang itu ahli falsafah.